

Bajet 2017: Sektor pengangkutan perlu ditambah baik

om 11/10

KUALA LUMPUR 10 Okt. - Kementerian Pengangkutan berharap peruntukan untuk kementerian itu akan ditambah dalam Bajet 2017 supaya infrastruktur pengangkutan di seluruh negara dapat ditambah baik bagi memastikan rakyat menikmati kemudahan pengangkutan yang terbaik.

Menterinya, Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata, pihaknya akan menggunakan peruntukan yang diberikan untuk menambah baik infrastruktur kereta api, lapangan terbang serta pelabuhan dan perkhidmatan laut.

“Selain untuk kemudahan rakyat, kita ingin menambah baik sektor pengangkutan kerana sektor ini sangat penting sebagai salah satu faktor perkembangan ekonomi yang menjadi penghubung antara satu tempat dengan tempat yang lain.

“Antara projek utama yang akan dilaksanakan adalah projek meningkatkan rangkaian landasan berkembar elektrik di seluruh negara yang akan memudahkan rakyat sekali gus mengurangkan kenderaan di lebuh raya pada waktu puncak atau musim perayaan,” katanya.



LIOW TIONG LAI (tiga dari kiri) menyaksikan pertukaran dokumen perjanjian kerjasama di antara Tee Hock Seng (kiri) dengan Yan Yong Tong di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian antara Bina Puri Holding Bhd. dan CCCC Dredging (Group) Co. Ltd. untuk Kuantan Waterfront Resort City, di sini hari ini.

Perjanjian tersebut ditandatangani oleh Pengarah Urusan Kumpulan, Tan Sri Tee Hock Seng

bagi Bina Puri Holdings sementara CCCC Dredging diwakili Pengurus Besar CDC Asia Tenggara, Yan Yong Tong.

Mengulas mengenai projek mega tersebut, Tiong Lai berkata, Kuantan Waterfront Resort City yang dijangka siap 10 tahun dari sekarang itu dijangka bakal menarik pelabur dari dalam dan luar negara.